

Angkara kumpulan yang sudah maju

# Ajar rakyat supaya malas

BK 16 NOV 1987

Oleh NAZAR ABDUL

**KUALA LUMPUR, Ahad —** Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat terhadap bahaya pemikiran dan ajaran yang menyuruh mereka supaya tidak berusaha atau bekerja kuat untuk mencapai kemajuan.

Katanya pemikiran dan ajaran seperti itu disebarkan oleh mereka yang sudah maju, bertujuan memastikan rakyat negara ini tidak dapat menyaingi mereka di bidang pengeluaran pelbagai barangan.

"Rakyat perlu berwaspada terhadap pemikiran atau ajaran ini supaya tidak terpengaruh atau terikat untuk berusaha dan maju," tegas Perdana Menteri ketika berucap merasmikan Perkhemahan Kepemimpinan Pengakap dan Belia Selangor Darul Ehsan di Kem Rimba Templer dekat sini petang ini.

Menurutnya, golongan itu sebenarnya tidak ingin melihat rakyat negara ini mencapai kemajuan.

Katanya mereka juga mendesak rakyat supaya menuntut gaji lebih daripada kemampuan kerajaan.

"Dengan ajaran seperti ini disebarkan di kalangan pekerja kita, maka mereka menjadi kurang berkesan dan tidak dapat mengeluarkan barangan yang boleh bersaing dengan barangan keluaran negara maju," katanya.

Menurutnya, apabila barangan negara tidak dapat bersaing dengan barangan keluaran negara maju, maka mereka akan terus mencapai kemajuan sedangkan negara kita terus ketinggalan.

## Menghalang

Datuk Seri Dr Mahathir berkata jika negara maju menghantar pakar-pakar ke negara ini untuk mengajar rakyat jangan bekerja kuat, mereka sebenarnya hendak menghalang kemajuan negara ini.

"Tujuan mereka ialah supaya kita tidak maju dan tidak boleh bersaing dengan mereka dan terus dikenali sebagai negara membangun dan bukan negara maju," tegasnya.

Beliau berharap rakyat akan memberi perhatian berat terhadap masalah itu bagi memastikan mereka tidak terpengaruh dengan ajaran itu agar tidak terus ketinggalan dalam pembangunan dunia.

Mengenai perkhemahan pengakap itu, Perdana Menteri berkata usaha melatih dan membentuk sikap berdikari dan berdisiplin di kalangan pengakap dan belia patut dipuji dan digalakkan bagi melahirkan rakyat yang sanggup berusaha dan bekerja kuat untuk mencapai kejayaan.

"Pemimpin-pemimpin akan datang harus sanggup menghadapi cabaran dan mengatasi semua masalah bagi mencapai kemajuan diri sendiri dan negara," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga yakin perkhemahan itu dapat memberi peluang kepada belia pelbagai kaum menjalin hubungan mesra dan bersatupadu serta mengelak ketegangan antara mereka.

"Ini adalah satu petanda baik bagi negara berbilang kaum seperti Malaysia," katanya.